

27/09/2001

Jangan takut berbelanja (HL)

Saidon Idris; Jamiah Shukri; Mohd Zin Ali; Sharifah Salwa Syed Akil
KUALA LUMPUR, Rabu - Ketika beberapa kementerian menyusun strategi memanfaatkan peruntukan pakej rangsangan ekonomi bernilai RM4.3 bilion, pengguna disaran terus berbelanja bagi menyokong usaha kerajaan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara.

Pakar Ekonomi di Rating Agency Malaysia Bhd (RAM), Dr Yeah Kim Leng, berkata kerajaan sudah menjalankan tanggungjawabnya dengan baik dalam menangani kelembapan ekonomi semasa melalui pakej rangsangan yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

"Kini tanggungjawab membantu usaha kerajaan itu terletak kepada pengguna, sektor swasta dan institusi kewangan. Tindakan menyekat perbelanjaan akan hanya menyebabkan pakej itu menjadi sia-sia," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini hari ini bagi mengulas pakej rangsangan ekonomi itu.

Perdana Menteri semalam mengumumkan peruntukan RM4.3 bilion itu akan dibelanjakan segera sepanjang tempoh tiga bulan terakhir tahun ini bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara pada paras di antara satu dan dua peratus.

Dr Yeah yang juga Ketua Pegawai Operasi RAM Consultancy Services Sdn Bhd, berkata pengguna perlu terus berbelanja kerana tindakan menyekat perbelanjaan akan menyebabkan jualan runcit jatuh dan akibatnya kilang tidak dapat menjual produk.

Katanya, keadaan itu seterusnya akan menyebabkan banyak kedai dan kilang terpaksa ditutup atau mengecilkan operasi dan yang bakal menanggung akibatnya ialah rakyat sendiri kerana ramai yang akan diberhentikan kerja.

"Pemberhentian kerja akan memburukkan lagi ekonomi kerana apabila ramai yang tidak berpendapatan, perbelanjaan akan semakin berkurangan.

"Oleh itu, dengan berbelanja, pengguna sebenarnya bukan saja membantu negara mencatat pertumbuhan ekonomi positif, tetapi secara tidak langsung mereka sebenarnya membantu diri sendiri," katanya.

Dr Yeah bagaimanapun mengingatkan rakyat supaya berbelanja secara berhemat dengan mengimbangkannya dengan tabungan.

"Berbelanja pada barangan dan perkhidmatan yang perlu dan tidak berbelanja melebihi pendapatan," katanya.

Dr Yeah berkata, sebagaimana pengguna, sektor swasta juga seharusnya tidak menggunakan keadaan ekonomi semasa untuk menangguhkan rancangan pembesaran operasi yang sudah dirancang atau memberhentikan pekerja sewenang-wenangnya.

Bagi syarikat yang berorientasikan eksport, terutama yang bergantung kepada pasaran Amerika Syarikat, Dr Yeah berkata, di samping menerokai pasaran baru yang mengambil masa, mereka disaran mengeksploitasi pasaran tempatan.

"Mereka mungkin boleh menurunkan harga bagi menggalakkan rakyat tempatan membeli barangan mereka. Ini sedikit sebanyak boleh membantu menampung kemerosotan dalam jualan eksport," katanya.

Beliau berkata, pakej rangsangan kerajaan juga tidak akan berkesan jika institusi kewangan tidak membantu atau memberhentikan pembiayaan kepada syarikat.

Sementara itu, Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata pihaknya akan menggunakan peruntukan tambahan dalam pakej itu bagi meningkatkan promosi pelancongan di Asia Barat.

Beliau menjelaskan kementerianya mendapat peruntukan RM10 juta lagi

sebagai tambahan kepada RM100 juta yang sudah diterimanya untuk promosi pelancongan.

Abdul Kadir berkata, pihaknya akan mengadakan pameran bergerak, meningkatkan iklan melalui akhbar, majalah dan televisyen serta bekerjasama dengan Penerbangan Malaysia (MAS) dan Emirates Airlines untuk promosi di rantau itu.

Beliau berkata, pihaknya mensasarkan pelancong Asia Barat kerana mereka biasanya tinggal lebih lama dan suka melancong hampir sepanjang tahun.

"Jika promosi ini berjaya, kita akan menyaksikan pertambahan mendadak kehadiran pelancong Asia Barat dalam tempoh terdekat," katanya.

Pada 1998, 23,854 pelancong Asia Barat berkunjung ke Malaysia, sebelum menurun kepada 21,731 orang pada 1999, tetapi meningkat kepada 53,370 tahun lalu dan 94,142 orang sepanjang Januari hingga Ogos tahun ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Khaled Nordin, pula berkata kementerian itu akan mendapatkan maklumat lengkap berhubung permohonan beberapa jabatan bagi melaksanakan segera projek prasarana menerusi peruntukan tambahan RM300 juta.

"Tambahan RM300 juta itu membolehkan kita melaksanakan pembinaan dengan lebih cepat. Setiap tahun kementerian menerima banyak permohonan bagi projek pembinaan dan penyenggaraan bangunan kerajaan, sekolah dan kuarters.

"Malah, kita juga dapat meneruskan pembinaan beberapa prasarana yang terbengkalai sebelum ini berikutan kekurangan sumber kewangan," katanya.

Khaled berkata, pihaknya juga akan memastikan semua kontraktor terbabit menerima bayaran segera supaya pelaksanaan projek itu berjalan lancar.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang menerima RM80 juta setahun bagi penggandaan kadar bantuan kebajikan untuk membantu keluarga miskin, turut merangka pendekatan untuk menyalurkan segera bantuan itu.

Menterinya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, dijangka mengadakan sidang akhbar mengenainya, Jumaat ini.

(END)